



# SIARAN MEDIA

## UNTUK SIARAN SEGERA

### BANTUAN LESTARI SISWA MADANI KOMITMEN PTPTN BANTU PELAJAR DI IPT

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi bagi menjaga kebajikan pelajar, khususnya peminjam PTPTN. Justeru, Bantuan Lestari Siswa MADANI diadakan untuk menyalurkan bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan sekali gus membantu meringankan kewangan pelajar di Institut Pendidikan Tinggi (IPT).
2. Pada hari ini, Penyampaian Bantuan Lestari Siswa MADANI kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diadakan di Dewan Sri Perdana, Kolej Perdana, UTM Johor. Majlis penyampaian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir, YBrs. Prof. Ts. Dr. Mohd Shafry Mohd Rahim, Naib Canselor UTM, YBrs. Encik Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan PTPTN, Encik Esrifaridz bin Subohi, Pengurus Besar Kanan PTPTN dan Puan Mazni binti Ruslan, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Johor.
3. Melalui program ini, PTPTN telah menyampaikan sumbangan berjumlah RM62,500 kepada 125 orang pelajar di UTM yang merupakan peminjam PTPTN daripada golongan kurang berkemampuan. Setiap pelajar menerima bantuan RM500 secara *one-off* yang akan dikreditkan terus ke akaun bank masing-masing mulai 1 Julai 2026. Inisiatif ini bertujuan membantu pelajar menangani cabaran kewangan serta memberi sokongan tambahan dalam tempoh pengajian di IPT.
4. Pengerusi PTPTN, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "Dalam usaha meningkatkan akses pendidikan tinggi kepada masyarakat tanpa mengira kaum, latar belakang mahupun status sosioekonomi, PTPTN telah melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi seperti program *endowment* yang membolehkan dana diterima daripada pelbagai pihak untuk disalurkan kepada pelajar yang memerlukan bantuan."

5. “Saya berharap bantuan ini dapat menjadi pemangkin semangat kepada para pelajar untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam mencapai kecemerlangan akademik. Kejayaan yang diraih kelak bukan sahaja membuka peluang kepada pekerjaan yang lebih baik, malah berupaya meningkatkan taraf hidup serta membantu mengubah nasib keluarga ke arah kehidupan yang lebih sejahtera dan selesa,” tambah beliau lagi.

6. Program Bantuan Lestari Siswa MADANI mencerminkan keprihatinan serta komitmen berterusan PTPTN bersama Kerajaan MADANI dalam memastikan akses pendidikan tinggi yang lebih inklusif kepada golongan yang memerlukan. Pendidikan merupakan aset paling berharga dan pelaburan jangka panjang yang memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan berkualiti, berkemahiran tinggi serta berdaya saing. Sepanjang 29 tahun penubuhannya, PTPTN telah menjadi pemangkin kepada kejayaan jutaan pelajar, sekali gus menyumbang kepada pembangunan modal insan dan kemajuan negara.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
26 Jun 2026**

*Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733)  
atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)*